

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	10 DECEMBER 2016

PM, rakan atas talian tinjau persiapan akhir MRT

BH - 10/12/2016

Kuala Lumpur: Berbaki seminggu sebelum Transit Aliran Massa (MRT) fasa pertama beroperasi sepenuhnya, Datuk Seri Najib Razak semalam meluangkan masa untuk membuat tinjauan terakhir.

Kunjungan Perdana Menteri dengan menaiki MRT dari stesen Mutiara Damansara ke Pusat Bandar Damansara petang semalam itu, turut disertai beberapa rakan atas talian beliau, termasuk usahawan belia, mahasiswa dan penulis buku.

PM ajak naik MRT

"MRT bukan saja menambah baik kesalinghubungan kerana kita me-

nyediakan bas pengantara di setiap stesen MRT, malah ia akan melengkapi kemudahan pengangkutan awam sedia ada dan memacu Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi seperti yang kita impikan.

"Saya tak sabar menanti 16 Disember ini untuk anda semua dapat merasai sendiri masa depan pengangkutan awam negara. Jom Naik MRT!" katanya menerusi blog rasminya, *NajibRazak.com*, semalam.

Antara rakan atas talian Najib yang menyertai tinjauan itu adalah Puteri Balqish dan Rosli Abdul Rahman daripada *PenMerahdotcom*; Ahmad Nazuwan Amran (*BeautifulNara*); Mohd Nazrinifwat

(kurator Twitter @*mohon_clash*); Mohd Syahir (blogger isu ekonomi) dan Khairul Idzwan Kamarudzman (blogger pengangkutan awam).

Selain itu, pengasas laman *TheVocket*, Mohd Fazreen Jasni; aktivis sosial, Kuan Chee Heng; produser klip ringkas di Instagram atau 'viner', Lukman Aqid Zulkarnae; pengacara radio HotFM, Nordin Madian; jurugambar terkenal di Instagram, Hishammudin Hashim atau Abeden Mung; doktor pakar dari Hospital Besar Melaka, Dr Abdul Rahman Abdul Kadir dan Timbalan Naib Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya, Dersamynee Subramaniam.



Najib bersama rakan atas talian menaiki MRT dari stesen Mutiara Damansara ke Stesen Pusat Bandar Damansara untuk meninjau projek MRT yang dijadual beroperasi sepenuhnya minggu depan.